


SEMBANG SABTU



Ambrin kerja di bawah bapa, anak

MEMANG jarang pegawai kerajaan berpeluang berkhidmat dengan bapa dan anak yang berjawatan menteri seperti dilalui bekas Ketua Setiausaha Kementerian Pelajaran, Tan Sri Ambrin Buang.

Anak jati Kampung Baru, Kuala Lumpur yang dilantik sebagai Ketua Audit Negara, berkuatkuasa 23 Februari lalu ini pernah bertugas di bawah Allahyarham Tun Hussein Onn pada 1972 dan anaknya, Datuk Seri Hishammuddin Hussein, sebelum bersara tujuh bulan lalu.

"Tidak ramai pegawai kerajaan bernasib baik seperti saya. Saya pernah bertugas di bawah Tun Hussein yang menjawat Timbalan Perdana Menteri serta Menteri Perdagangan dan Perusahaan.

"Ketika itu saya Setiausaha Sulit Menteri Perdagangan dan Perusahaan, iaitu jawatan kedua saya dalam perkhidmatan awam selepas bertugas sebagai Penolong Setiausaha Kewangan di kementerian yang sama," katanya.

Pada tahun akhir perkhidmatannya selama 35 tahun, Ambrin bertugas sebagai Ketua Setiausaha Kementerian Pelajaran di bawah Hishammuddin sebagai Menteri Pelajaran.

"Kedua-duanya lembut dan berbudi bahasa. Tutur kata mereka juga teratur. Cara senyum dan ketawa dua beranak juga hampir sama," katanya ketika ditemui di Putrajaya, baru-baru ini.

Ambrin menyifatkan Tun Hussein sebagai insan yang sangat menghormati orang lain dan memberi layanan sama kepada sesiapa saja yang mengunjungi beliau.

Pada masa sama, katanya, Hussein seorang yang tegas dan kuat berpegang kepada prinsip.

"Allahyarham Tun Hussein jarang marah tetapi jika tidak puas hati dengan sesuatu, dia terus menegur. Dia tidak simpan dendam," katanya.

Ambrin 'nadi' KLIA, Putrajaya

Ketua Audit Negara banyak pengalaman

Oleh Mohd Feroz Abu Bakar

ADA manis dan ada pahit. Begitulah gambaran ringkas Ketua Audit Negara, Tan Sri Ambrin Buang sepanjang 35 tahun berkhidmat dalam perkhidmatan awam.

Sudah ditakdirkan beliau terbabit dalam banyak peristiwa besar di dalam atau luar negara, bahkan tragedi yang mendapat liputan meluas pada peringkat antarabangsa turut mengheret perahannya.

Walaupun sering merendah diri dan berada di sebalik tabir, bapa kepada dua anak ini yang bersara dengan jawatan terakhir sebagai Ketua Setiausaha Kementerian Pelajaran, Februari lalu mempunyai pengalaman luas dalam pelbagai aspek pengurusan dan pentadbiran.

Selain pernah bertugas di bawah tokoh besar seperti Allahyarham Tun Hussein Onn dan Allahyarham Tun Dr Ismail Abdul Rahman, Ambrin terbabit secara langsung dalam pembinaan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), penubuhan Wilayah Persekutuan Putrajaya dan pengisytiharan Shah Alam sebagai bandar raya.

Beliau juga membantu menangani tragedi tanah runtuh di Bukit Antarabangsa, Selangor pada 1999 dan pernah ditugaskan menjejaki warga Malaysia selepas gempa bumi sekuat 7.2 pada skala Richter hingga mengorbankan kira-kira 5,100 penduduk di Kobe, Jepun pada 1995.

"Gegaran hanya kira-kira 20 saat tetapi kemusnahan amat dahsyat. Selain bangunan, lebuhraya dan jalan raya bertingkat runtuh, paip air pecah dan saluran gas bocor.

"Saya ditugaskan menentukan status keselamatan lebih 200 rakyat Malaysia. Alhamdulillah, semuanya selamat walaupun ada pelajar kita cedera ringan," katanya yang ketika itu bertugas sebagai Timbalan Ketua Perwakilan (bertaraf timbalan duta) di Kedutaan Besar Malaysia di Tokyo.

Sebaik kembali ke tanah air, Ambrin ditugaskan di Bahagian Pentadbiran dan Kewangan KLIA Berhad sebagai Pengurus Besar Kanan.

Tanggungjawabnya memastikan setiap fasa pembinaan lapangan terbang antarabangsa itu berjalan lancar dengan pembahagian tugas dan pembayaran kepada kontraktor berjalan lancar serta tepat pada masanya.

Dengan pengalaman kerja selama empat tahun di Jepun yang mementingkan ketepatan masa, anak sulung daripada enam beradik ini berjaya membantu menyiapkan KLIA mengikut jadual, iaitu dalam tempoh empat tahun seperti perancangan awal.


"KLIA disiapkan sebelum Sukan Komanwel pada September 1998," katanya yang mengatakan projek itu adalah projek terbesar Malaysia dalam abad ke-20.

Kecemerlangan melaksanakan tugas di KLIA memberi merit tinggi kepadanya untuk dilantik sebagai Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) Selangor pada 1999.

Beliau memulakan tugas di negeri kecintaannya di bawah kepimpinan Datuk (kini Tan Sri) Abu Hassan Omar sebagai Menteri Besar sebelum digantikan Datuk Seri Dr Mohd Khir Toyo pada Ogos 2000.

Sebagai SUK, Ambrin turut terbabit dalam perundingan dengan Kerajaan Persekutuan untuk mewujudkan Wilayah Persekutuan Putrajaya di kawasan yang sebelum ini, dinamakan Prang Besar di Sepang.

"Perundingan ini banyak membatikan soal pampasan kerana banyak hasil yang sepatutnya dikutip oleh Majlis Perbandaran Sepang akan hilang. Tiada rundingan untuk mengurangkan saiz tanah yang akan di-



"Kajian mendapati guru di Selangor, Johor, Melaka dan Kuala Lumpur menanggung bebanan kerja berlebihan, iaitu 74 jam seminggu berbanding 48 jam yang dihadkan Pertubuhan Buruh Sedunia"

Ambrin Buang
Ketua Audit Negara"

serahkan kedaulatannya kepada Kerajaan Persekutuan," katanya.

Ketika ditanya sama ada pertelingkahan dengan Perdana Menteri ketika itu, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad (sekarang Tun) mengenai pembentukan Putrajaya sebagai wilayah persekutuan yang menyebabkan Abu Hassan mengundur diri sebagai Menteri Besar, Ambrin berkata.

"Tak benar," katanya.

Selain berjaya melaksanakan tugas besar seperti perundingan mengenai pembinaan Putrajaya, Ambrin berkata, kenangan manis kepadanya ketika berkhidmat di Selangor ialah Shah Alam menjadi tuan rumah perarakan Hari Kemerdekaan ke-43 pada 2000 dan pengisytiharan Shah Alam sebagai bandar raya pada September tahun sama.

Katanya, sambutan hari kebangsaan itu rhembabikan pertunjukan

padang disertai kira-kira 2,300 pelajar dari 21 sekolah menengah sekitar Shah Alam dan hampir 100,000 pengunjung.

Beliau berkata, sambutan kemerdekaan di Shah Alam itu bertepatan dengan Tahun Melawat Selangor 2000.

Perkhidmatan cemerlang sebagai SUK membolehkannya dilantik sebagai Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan pada Oktober 2001 di bawah kepemimpinan Menteriinya, Tan Sri Musa Mohamad.

"Kementerian Pendidikan sebelum dipecahkan kepada dua kementerian adalah kementerian terbesar, menguruskan lebih lima juta pelajar, 320,000 guru dan mendapat dana paling tinggi setiap kali bajet.

"Bahkan, selepas diwujudkan Kementerian Pengajian Tinggi, Kementerian Pelajaran, iaitu nama baru Kementerian Pendidikan masih kekal sebagai kementerian terbesar kerana Kementerian Pengajian Tinggi hanya mengambil tiga jabatan daripada Kementerian Pendidikan.

"Jadi, tugas saya di sana sangat mencabar terutama menguruskan projek makmal komputer yang tidak siap, makmal komputer runtuh dan sebagainya.

"Nasib baik menteri saya, Tan Sri Musa yang saya sifatkan sebagai teknokrat yang cemerlang sama-sama membantu menyelesaikan pelbagai isu di Kementerian Pendidikan ketika itu," katanya.

Beliau berkata, Datuk Seri Hishammuddin Hussein yang memegang tampuk Kementerian Pelajaran sejak awal 2004 juga banyak menyerahkan tugas kepadanya untuk membantu menyelesaikan beban kerja guru.

"Kajian saya mendapati guru di Selangor, Johor, Melaka dan Kuala Lumpur menanggung bebanan kerja berlebihan, iaitu 74 jam seminggu berbanding 48 jam yang dihadkan Pertubuhan Buruh Sedunia (ILO).

"Mereka juga menghabiskan 38 hari bekerja dalam setahun. untuk menghadiri kursus atau latihan walaupun Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) menetapkan jumlah maksimum tujuh hari setahun saja. katanya.

Beliau bersara awal Februari lalu sebelum dilantik ke jawatan sekarang - Ketua Audit Negara bermula 23 Februari tahun ini.



ZAMAN MUDA: Ambrin dan Hindon mengabadikan kenangan bersama anak sulung Izran Hisham ketika menyambung pengajian di University South Carolina, Amerika Syarikat pada 1980.



SEJIWA: Ambrin bersama Hindon ketika meraikan ulang tahun perkahwinan ke-25.

PROFIL

Tan Sri Ambrin Buang

- **Jawatan:** Ketua Audit Negara
- **Lahir:** 24 Mac 1949
- **Asal:** Kampung Baru, Kuala Lumpur.
- **Isteri:** Puan Sri Hindon Yusoff
- **Anak :** Izran Hisham, 26; Siti Amrina, 20
- **Akademik:** Sarjana Muda Ekonomi (Universiti Malaya) - 1971; Sarjana Perniagaan Antarabangsa (South Carolina University) 1981
- **Pengalaman kerja:**
2001 - Februari 2006: Ketua Setiausaha kementerian Pendidikan/Pelajaran
1999 - 2001: Setiausaha Kerajaan

Negeri Selangor

1995 - 1999: Pengurus Besar Kanan, Bahagian Pentadbiran dan Kewangan KLIA Berhad

1992 - 1995: Menteri Kedutaan, Kedutaan Besar Malaysia di Tokyo

1987 - 1991: Ketua Pusat Pentadbiran Ekonomi dan Dasar Awam, Institut Tadbiran Awam Negara

1982 - 1987: Pengarah Pemasaran, Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia

1971 - 1982: Penolong Setiausaha, Bahagian Pentadbiran dan Kewangan

Puasa tidak sampai 10 jam

ALAU di Malaysia, kita

berpuasa 13 hingga 14 K jam sehari, tetapi saya pernah tiga kali berpuasa pendek, tidak sampai 10 jam ketika berkhidmat di luar negara.

"Sewaktu musim sejuk di Tokyo, saya mula puasa pada jam 6 atau 6.30 pagi dan 5.30 petang sudah boleh berbuka. Siangnya agak pendek.

"Selepas siang tarawih, saya telefon keluarga di Malaysia, mereka baru selesai berbuka," kata Tan Sri Ambrin Buang.

Pengalaman berpuasa pada musim salji juga dialaminya ketika melanjutkan pengajian di Columbia, Amerika Syarikat pada 1980 dan menghadiri mesyuarat di Edinburgh, England ketika berkhidmat di Kementerian Pendidikan.

Beliau juga pernah menyambut Aidilfitri di perantauan dan mengaiki caranya berbeza, baik dari segi pakaian, makanan dan tradisi ziarah.

Ambrin, anak kepada kerani British Military Administration, Buang@Yaakob Othman dan suri rumah, Maimunah Nekmat lahir di Kampung Baru yang ketika itu masih

di bawah Selangor.

Ketika bapanya bertugas di Singapura, Ambrin dan adiknya Amruddin, tinggal bersama nenek dan datuk mereka, Fatimah Mahmud dan Nekmat Abdul Hamid.

Ambrin berkata, neneknya pernah berkata: "Pasal makan aku tak kisah, tapi perangai kena jaga. Kalau aku dah tak ada, apa aku nak bagi kau... kecuali pelajaran."

Selepas menamatkan sekolah di Sekolah Menengah Maxwell dan Sekolah Menengah St John pada lewat 1960-an, beliau menerima biasiswa kerajaan negeri Selangor untuk meneruskan pendidikan di Universiti Malaya dalam bidang ekonomi dan pentadbiran.

Hasil bimbingan nenek, datuk dan kedua-dua ibu bapa, bukan saja Ambrin berjaya dalam hidup, lima lagi adiknya juga mengikuti jejak langkahnya.

Amriah kini bergelar profesor di Universiti Kebangsaan Malaysia, Amha sebagai Pegawai Tadbir dan Diplomatik di Jepun, Amrahi pegawai kanan di Pusat Perubatan Universiti Malaya dan Amruddin dan Amrullah sebagai usahawan.